

LiNuSR: IMPAK PENGURUSAN BILIK DARJAH DI SEKOLAH KEBANGSAAN***Annaliza Binti Mohd Isa****Al-Amin Bin Mydin****Abdul Ghani Kanesan Bin Abdullah**

Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia

annaliza@student.usm.my*ABSTRACT**

LiNuSR is the acronym for primary school literacy and numeracy related programs in Malaysia such as LINUS, LINUS 2.0 and PLaN conducted to ensure literacy and numeracy achievement is 100% after three years of study in primary school. The implementation of LiNuSR is generally carried out through classroom learning. Thus, this study was conducted to examine the influence of classroom management on LiNuSR. Another purpose was to look into the level of LiNuSR and classroom management, differences based on gender, teaching experience, school location and subjects as well as the relationship between the two variables. This study was conducted using a quantitative approach with surveys as a data collection technique. A total of 115 respondent consisting of level one teachers that teach Malay, Mathematics and English in the district of Sandakan, Sabah were selected through simple random sampling. Collected data were analyzed using SPSS version 25.0. The results show that both variables are at a high level. Only English subjects showed significant differences in classroom management compared to gender, teaching experience and location. There is a strong positive linear relationship between LiNuSR and classroom management and classroom management influenced 53.2% of the variance in LiNuSR. In addition to the findings of the study, the LiNuSR integration model - classroom management is proposed as a contribution to the field of study.

Keywords: *LINUS, Literacy, Numeracy, Classroom Management, PLaN*

PENGENALAN

Pendidikan di Malaysia telah memasuki gelombang ke-3 dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM). Pelbagai transformasi telah dijalankan dalam usaha untuk menambah baik kualiti pendidikan negara. Salah satu aspek asas ialah penguasaan kemahiran 3M murid terutama di peringkat sekolah rendah. Bagi memastikan tidak berlakunya keciciran di sekolah, program literasi dan numerasi (LINUS) dirangka semenjak 2010 yang mensasarkan 100% murid boleh membaca, menulis dan mengira selepas tiga tahun pembelajaran di sekolah rendah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2011). Program ini kemudian dinaik taraf ke LINUS 2.0 dengan penambahan literasi bahasa inggeris pada tahun 2013.

Meskipun pelaksanaan program LINUS 2.0 di mansuhkan pada tahun 2018, satu program alternatif disediakan iaitu Program Literasi dan Numerasi Sekolah Rendah (PLaN) dengan tujuan yang sama tapi dengan kaedah pelaksanaan yang berbeza yang dijalankan bermula tahun 2020. Namun begitu, dalam kajian ini, istilah literasi dan numerasi sekolah rendah atau LiNuSR digunakan bagi mewakili sebarang program berkaitan dengan matlamat utama sifar buta huruf dan buta angka. Hal ini sejajar dengan aspirasi dalam dasar pendidikan kerajaan dimana murid akan belajar dalam persekitaran yang

mempunyai kepercayaan asas bahawa semua murid boleh belajar, dan semua murid boleh berjaya serta guru akan mempunyai harapan yang tinggi terhadap murid tanpa mengira latar belakang dan pencapaian terdahulu, dan akan membekalkan murid dengan sokongan yang perlu bagi memenuhi harapan ini (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Pemeran utama bagi merealisasikan sasaran dalam program ini adalah guru-guru tahap satu yang mengajar mata pelajaran bahasa melayu, bahasa inggeris dan matematik di bilik darjah. Aspek pentadbiran dan pengurusan kelas yang merupakan asas pengetahuan praktikal dalam pengajaran (Wolff et al., 2015) guru adalah penting dalam usaha untuk mencapai matlamat yang ditetapkan (Davis, 2018; Long et al., 2018). Menurut Wong (2014), guru perlu mentadbir kelas dengan baik dan sesuai dengan keperluan murid. Penetapan sasaran PdPc yang tepat, mencabar dan boleh di capai adalah penting (Martinez, 2001) agar pengajaran akan lebih berkesan dan bermakna (Moss dan Brookhart, 2012), selain memantau perkembangan semasa pelajar, mengekalkan kaedah yang berkesan dan mengubah kaedah yang kurang berkesan (Goss dan Hunter, 2015). Bagi memastikan hasil pembelajaran dapat dicapai dan masa yang diperuntukkan digunakan dengan sebaiknya, guru perlu bijak merancang, mengurus dan mengelola pengajaran (Sharifah Nor Puteh dan Aliza Ali, 2011), menjalankan intervensi mengikut tahap yang sesuai (Hasnalee dan Zulkifli, 2011) selain menyediakan ruangan pembelajaran yang positif (Davis, 2018).

Justeru, aspek pengurusan bilik darjah guru mata pelajaran merupakan kunci utama dalam usaha untuk merealisasikan keberkesanan penyampaian pengajaran sekaligus mencapai objektif dan matlamat yang ditetapkan iaitu peningkatan tahap LiNuSR di kalangan murid tahap 1 sekolah rendah. Penguasaan kemahiran literasi dan numerasi di peringkat awal persekolahan amatlah penting kerana ia berhubung rapat dengan pencapaian akademik (Mohd-Asraf et al., 2016) sekaligus memberi kesan jangka masa panjang terhadap masa depan murid. Hal ini kerana, menurut kajian Grotlüschen et al. (2020), kompetensi literasi mempengaruhi tahap pendidikan yang kemudiannya memberi impak kepada sosio-ekonomi dari aspek pendapatan dan jenis pekerjaan. Dapatan dalam artikel ini sangat bermanfaat kepada guru-guru, pihak sekolah serta pembuat dasar untuk mengenalpasti impak pengurusan bilik darjah terhadap pelaksanaan program berkaitan literasi dan numerasi di sekolah.

PENYATAAN MASALAH

Berdasarkan statistik *Worldbank* (2020), tahap literasi dalam kalangan remaja berusia 15 hingga 24 tahun di Malaysia meningkat dari tahun 1980-an iaitu sekitar 87.97% ke 98.42% pada tahun 2010. Namun begitu berlaku penurunan pada tahun 2018 dimana kadar literasi menurun ke 96.85%. Selaras dengan usaha berterusan untuk meningkatkan tahap literasi dalam kalangan murid, program melibatkan literasi dan numerasi (LiNuSR) dirangka dalam PPPM 2013-2025 bagi memastikan murid menguasai kemahiran literasi dan numerasi seawal tiga tahun pertama di sekolah rendah. Namun begitu, sasaran untuk mencapai 100% penguasaan LiNuSR masih belum dapat dicapai. Berdasarkan kajian lepas, antara isu yang dikenal pasti berkaitan LiNuSR ialah kesediaan guru sekiranya tidak mahu menerima perubahan sama ada dari segi kurikulum atau pendekatan pengajaran (Wan Ahmad, 2019), ketidak hadiran murid (Carroll, 2020), perbezaan latar belakang sosioekonomi, status *indigenous*, lokasi geografi, sikap dan aspirasi murid (Othman et al., 2011) serta kegagalan guru dalam mengaplikasikan amalan dan strategi membaca secara sistematik dan efektif (Tubah & Hamid, 2011).

Selain itu faktor kesihatan murid seperti masalah pembelajaran ataupun '*slow learner*' (Malik, 2009; Sangeeta, 2011), faktor genetik, perkembangan otak yang rendah disebabkan kurang rangsangan, motivasi yang rendah, kurang perhatian, masalah tingkah laku mahupun masalah peribadi yang mengganggu tumpuan murid disekolah (Mohammad & Mahmoud, 2014). Aspek keadaan fizikal semulajadi seperti genetik dan masalah pembelajaran adalah diluar kawalan guru tetapi aspek-aspek melibatkan isu sendiri guru dan pengajarannya di bilik darjah boleh ditambah baik dengan refleksi dan

tindakan susulan yang sesuai. Pengurusan bilik darjah telah dikenal pasti berkait rapat dengan pencapaian murid (Domenech, 2012). Guru boleh merangka strategi berkesan melalui pengurusan bilik darjah yang efisien untuk mengoptimumkan masa pengajaran bagi mencapai sasaran dalam LiNuSR. Pelbagai isu yang timbul berkaitan pengurusan kelas melibatkan pelaksanaan LiNuSR antaranya ialah perbezaan tahap keupayaan murid yang lemah, bermasalah tingkah laku serta murid berkeperluan khas menuntut guru agar lebih bijak menguruskan kelasnya. Kegagalan guru menguruskan kelas akan mempengaruhi pengajaran dari aspek masa dan gangguan sesi pembelajaran yang akhirnya mempengaruhi pencapaian objektif pengajaran (Amin & Othman, 2019; Nagro et al., 2019). Maka, terdapat keperluan untuk menjalankan kajian antara pengurusan bilik darjah dengan LiNuSR berdasarkan persepsi guru.

OBJEKTIF

Berdasarkan huraian di atas, objektif kajian ini adalah untuk:

- i. Menenalpasti tahap LiNuSR dan pengurusan bilik darjah di kalangan guru tahap satu sekolah rendah
- ii. Menenalpasti perbezaan LiNuSR dan pengurusan bilik darjah berdasarkan demografi di kalangan guru tahap satu sekolah rendah
- iii. Menenalpasti hubungan diantara pengurusan bilik darjah dengan LiNuSR
- iv. Menenalpasti pengaruh pengurusan bilik darjah terhadap LiNuSR

HIPOTESIS KAJIAN

Berdasarkan objektif di atas, hipotesis kajian yang dibentuk adalah seperti berikut:

- H_0^1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan LiNuSR dan pengurusan bilik darjah dalam kalangan guru tahap satu sekolah rendah
- H_0^2 Tidak terdapat hubungan yang signifikan diantara pengurusan bilik darjah dengan LiNuSR
- H_0^3 Tidak terdapat pengaruh yang signifikan diantara pengurusan bilik darjah dengan LiNuSR

SOROTAN KAJIAN

Literasi dan Numerasi Sekolah Rendah (LiNuSR)

Menurut modul LINUS, literasi bermaksud keupayaan untuk membaca, menulis dan memahami perkataan, ayat tunggal dan ayat majmuk yang mudah dengan menggunakan kata hubung dan serta mengaplikasikan pengetahuan tersebut dalam pembelajaran serta komunikasi harian (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2011) manakala numerasi didefinisikan sebagai kebolehan untuk melakukan operasi asas matematik dan memahami idea matematik yang mudah serta mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran matematik dalam kehidupan harian (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012). Program literasi dan numerasi sekolah rendah (LiNuSR) menunjuk kepada program-program yang telah dirangka kerajaan dalam usaha untuk membentasi masalah buta huruf dan buta angka. Program yang telah dilaksanakan oleh kerajaan ialah LINUS (2010-2012), LINUS 2.0 (2013-2018) dan PlaN (bermula 2020). Pelaksanaan LINUS dan LINUS 2.0 dijalankan menggunakan saringan khas 2 kali setahun dan dilaporkan melalui portal NKRA serta dibimbing oleh FasiLINUS. Berbeza dengan PlaN yang menggunakan tahap penguasaan dalam pentaksiran bilik darjah (PBD) untuk menenalpasti murid yang lemah literasi dan numerasi. Meskipun akronim dan bentuk pelaksanaan berbeza, matlamat utama adalah sama iaitu untuk memastikan semua murid boleh membaca, menulis dan mengira setelah berada tiga tahun di sekolah rendah. Sasaran Sifar LINUS adalah slogan yang digunapakai semenjak 2010 oleh guru-guru LINUS

dalam usaha untuk memastikan tiada murid yang gagal menguasai asas literasi dan numerasi selepas tiga tahun berada sekolah rendah melalui program LINUS 2.0 (Mohd Isa, 2016).

Penguasaan literasi dan numerasi dalam kalangan murid-murid di peringkat awal pembelajaran adalah sangat penting dan akan memberi kesan terhadap pembelajaran di masa hadapan. Hal ini kerana pembelajaran di sekolah melalui dokumen standard kurikulum dan pentaksiran (DSKP) telah disusun dari mudah ke kompleks. Kegagalan menguasai asas baca, tulis dan kira akan menyebabkan murid menjadi lebih tercicir lagi. Menurut Grotlüschen et al. (2020), keupayaan literasi dan numerasi mempengaruhi masa hadapan, peluang mendapat pekerjaan sekaligus memberi impak kepada sosioekonomi.

LiNuSR merupakan cabaran kepada guru terutamanya guru yang mengajar bahasa Malaysia dan matematik untuk merealisasikan hasrat 100% penguasaan literasi dan numerasi. Kegagalan murid akan memberi impak kepada guru serta memberi kesan terhadap refleksi pengajaran guru. Keadaan ini menyumbang kepada stres dalam kalangan guru yang terlibat (Othman et al., 2011). Peranan yang dimainkan oleh guru sememangnya amat berat dalam menjamin kemenjadian murid. Penguasaan murid dalam LiNuSR ini secara holistiknya bergantung kepada komitmen guru terhadap tugasnya. Guru perlu bijak menguruskan pengajaran terutamanya di bilik darjah bagi mengoptimalkan masa pengajaran agar lebih banyak masa dapat ditumpukan kepada bimbingan murid.

Pengurusan Bilik Darjah

Bilik darjah amnya merupakan ruangan belajar di sekolah yang digunakan oleh guru dan murid. Menurut Nagro et al. (2019), persekitaran bilik darjah terdiri dari rutin harian, jadual serta susun atur fizikal disamping hubungan guru-murid yang memainkan peranan kritikal dalam membentuk dinamika dalam pembelajaran. Definisi pengurusan bilik darjah pula ialah penggunaan pelbagai komponen yang sesuai (Davis, 2018) seperti elemen moral dan material dalam bilik darjah secara efisien dan efektif seiring dengan objektif organisasi (Bayraktar & Dogan, 2017) yang melibatkan kerjasama antara guru dan murid (Abas, 2012). Strategi pengurusan bilik darjah berkesan yang digunakan untuk meningkatkan pencapaian murid memberi kesan yang baik kepada murid, guru, ibu bapa, pentadbir dan komuniti (Domenech, 2012). Namun begitu, menurut Davis (2018) pengurusan bilik darjah seharusnya melangkaui implementasi asas fizikal dengan menekankan lebih kepada hubungan, individu, pengajaran, dinamik kuasa dan perbezaan budaya.


Berdasarkan kajian lepas, lima aspek dalam pengurusan bilik darjah menurut Makowski (2014), ialah kepercayaan guru terhadap murid, kesedaran guru tentang hubungan guru-murid, sifat guru yang mengambil berat dan baik hati, perbincangan dan perhatian yang diberikan kepada murid, kedudukan murid serta pergerakan dalam bilik darjah dapat membantu murid yang mempunyai masalah tingkah laku. Hal ini seiring dengan kajian Bayraktar & Dogan (2017) yang menyatakan bahawa guru percaya kunci utama kejayaan persekitaran bilik darjah adalah melalui disiplin atau pengurusan tingkah laku. Guru juga percaya keupayaan menguruskan bilik darjah menunjukkan tahap efikasi sendiri guru (Lee & van Vlack, 2018).

Kajian lepas berkaitan bilik darjah antaranya ialah pengurusan bilik darjah guru novis (Amin & Othman, 2019; Dicke et al., 2015; Kwok, 2019; Wolff et al., 2015), tingkah laku murid (Bayraktar & Dogan, 2017; Burrage, 2015), perbandingan pengurusan di bandar (Long et al., 2018), kemahiran penyelesaian masalah (Özreçberoğlu & Çağanağa, 2018), hubungan dengan kecerdasan emosi guru (Valente et al., 2018), kurikulum instruksional (Nagro et al., 2019), serta perkaitannya dengan iklim kerja dan stres (Ambotang & Hashim, 2011). Meskipun telah banyak kajian berkaitan pengurusan bilik darjah yang telah dijalankan oleh pengkaji terdahulu, kajian berkaitan hubungan pengurusan bilik darjah dengan

literasi dan numerasi terutama di Malaysia masih adalah perlu bagi melihat impak hasil pelaksanaan program berdasarkan konteks pendidikan masakini.

Kerangka Konseptual


Kajian ini melibatkan dua variabel iaitu variabel bersandar LiNuSR dan variabel bebas pengurusan bilik darjah seperti yang ditunjukkan pada rajah 1. Hubungan antara variabel ditunjukkan menggunakan simbol anak panah. Dalam kajian ini, pengkaji ingin melihat pengaruh variabel bebas terhadap variabel bersandar. Dari kerangka konsep berikut, dapat dilihat perkaitan antara variabel bebas pengurusan bilik darjah dengan variabel bersandar LiNuSR.



Rajah 1. Kerangka konseptual kajian

METODOLOGI

Rekabentuk kajian adalah menggunakan pendekatan kuantitatif dengan kaedah tinjauan sebagai kaedah kutipan data. Kaedah kuantitatif sesuai digunakan kerana hasil dapatan kajian akan digeneralisasikan kepada populasi. Teknik persampelan yang digunakan ialah rawak mudah dan bilangan sampel kajian ditentukan berdasarkan Bartlett et al. (2001). Justeru, bagi bilangan populasi 2023 orang, bilangan sampel minimum adalah 112 orang. Dalam kajian ni, seramai 115 orang guru tahap satu yang mengajar mata pelajaran bahasa Malaysia, matematik dan bahasa inggeris di daerah Sandakan, Sabah telah menjawab soal selidik. Guru yang mengajar ketiga-tiga mata pelajaran ini dipilih bersesuaian dengan mata pelajaran berkaitan literasi dan numerasi.



Rajah 2. Taburan Demografi Responden

Taburan responden berdasarkan demografi ditunjukkan pada rajah 2. Majoriti responden adalah guru perempuan iaitu seramai 82 orang berbanding guru lelaki iaitu seramai 33 orang. Dari aspek lokasi sekolah, guru yang mengajar di sekolah bandar adalah paling ramai iaitu 67 orang, guru yang mengajar diluar bandar 33 orang dan guru yang mengajar dipulau ialah 15 orang. Responden teramai adalah terdiri dari guru yang mempunyai pengalaman mengajar lebih dari 10 tahun iaitu seramai 62 orang, diikuti oleh guru dengan pengalaman mengajar tahun ke bawah iaitu seramai 29 tahun dan guru dengan pengalaman mengajar 5 hingga 10 tahun iaitu 24 orang. Berdasarkan mata pelajaran pula, guru bahasa inggeris adalah teramai sebagai responden iaitu 47 orang, diikuti guru bahasa Malaysia 43 orang dan guru matematik 25 orang.

Instrumen LiNuSR yang digunakan telah diubahsuai dari instrumen Pemeriksaan Khas Program Literasi Dan Numerasi (LINUS) sebanyak 10 item manakala soal selidik pengurusan bilik darjah di adaptasi dari Hamid (2012) dan mengandungi 10 item. Instrumen ini diukur menggunakan skala *likert* lima mata iaitu 1-sangat tidak setuju, 2-tidak setuju, 3-tidak pasti, 4-setuju dan 5-sangat setuju. Nilai kebolehpercayaan instrumen adalah tinggi mengikut Field (2018) iaitu LiNuSR = .84 dan pengurusan bilik darjah = .93.

Data kuantitatif kemudiannya dianalisis menggunakan perisian SPSS v.25 secara deskriptif dan inferens berpandukan objektif yang telah ditetapkan. Analisis deskriptif adalah untuk mendapatkan nilai kekerapan, nilai min dan sisihan piawai. Analisis inferens yang digunakan pula ialah ujian t tidak bersandar dan ANOVA sehalu untuk menguji perbezaan. Analisis *Correlation* Pearson untuk menguji hubungan manakala *Simple Linear Regression* untuk menguji pengaruh. Ujian taburan normal dilakukan sebagai prasyarat sebelum menjalankan analisis inferensi. Penentuan taburan normal adalah menggunakan nilai *skewness* dan *kurtosis*. Nilai *skewness* dan *kurtosis* bagi kedua variabel ialah LiNuSR (.15, -.56) dan pengurusan bilik darjah (.03, -.54). Menurut Chua (2006), taburan dianggap normal jika nilai *skewness* dan *kurtosis* adalah pada julat 1 hingga -1.

DAPATAN KAJIAN

Tahap LiNuSR dan Pengurusan Bilik Darjah

Hasil analisis deskriptif menunjukkan tahap LiNuSR dan pengurusan bilik darjah sekolah rendah ditunjukkan pada jadual 1. Dalam kajian ni, nilai min bagi kedua-dua variabel adalah sangat tinggi berdasarkan interpretasi min oleh Moidunny (2009) dalam Raamani & Arumugam (2018). Nilai min LiNuSR ialah 4.24 manakala nilai min pengurusan bilik darjah ialah 4.46 pada aras signifikan $p < 0.05$. Ini menunjukkan guru-guru yang terlibat mempunyai amalan pengurusan bilik darjah yang baik disamping memainkan peranan dalam LiNuSR.

Jadual 1

Tahap LiNuSR dan Pengurusan Bilik Darjah

	N	Minimum	Maksimum	Min	Sisihan Piawai	Tahap Skor Min
LiNuSR	115	3.50	5.00	4.24	.35	Tinggi
Pengurusan Bilik Darjah	115	3.90	5.00	4.46	.26	Tinggi

*Signifikan pada aras $p < 0.05$

Jadual 2
Interpretasi Min

Skor min	Interpretasi
1.00-1.80	Sangat rendah
1.81-2.60	Rendah
2.61-3.20	Sederhana
3.21-4.20	Tinggi
4.21-5.00	Sangat tinggi

Sumber : Moidunny (2009) dalam Raamani & Arumugam (2018)

Perbezaan LiNuSR dan Pengurusan Bilik Darjah Berdasarkan Demografi

Dalam kajian ini, perbezaan antara variabel diuji menggunakan analisis independent t-test dan ANOVA sehala. Jadual 3 menunjukkan perbezaan LiNuSR dan pengurusan bilik darjah berdasarkan jantina, lokasi sekolah, pengalaman mengajar dan mata pelajaran. Secara keseluruhannya, tidak terdapat perbezaan signifikan kedua-dua variabel berdasarkan jantina, lokasi sekolah dan pengalaman mengajar. Namun begitu, terdapat perbezaan yang signifikan pengurusan berasaskan sekolah berdasarkan mata pelajaran, $F(2,112)=6.009$, $p=0.003$. Perbandingan *pos hoc* Bonferroni menunjukkan mata pelajaran bahasa inggeris menyumbang utama kepada skor min iaitu .17882(.05) berbanding bahasa Malaysia .08716 dan matematik .09166. Keadaan ini menunjukkan guru-guru bahasa inggeris mempunyai amalan pengurusan bilik darjah yang lebih tinggi berbanding guru matematik dan bahasa Malaysia.

Jadual 3
Perbezaan LiNuSR dan Pengurusan Bilik Darjah Berdasarkan Demografi

Demografi	N	LiNuSR				Pengurusan Bilik Darjah				
		Min	Sisihan Piawai	F	Sig.	Min	Sisihan Piawai	F	Sig.	
Jantina	Lelaki	33	4.28	.35	.27	.87	4.45	.25	.67	.42
	Perempuan	82	4.22	.35			4.46	.26		
Pengalaman Mengajar	0-5 Tahun	29	4.33	.36	1.67	.19	4.52	.27	1.82	.17
	5-10 Tahun	24	4.17	.34			4.39	.22		
	>10 Tahun	62	4.22	.35			4.46	.26		
Lokasi Sekolah	Bandar	67	4.27	.36	.85	.42	4.48	.25	.90	.41
	Luar Bandar	33	4.20	.34			4.46	.28		
	Pulau	15	4.16	.31			4.38	.22		
Mata pelajaran	BM	43	4.30	.34	2.9	.06	4.55	.26	6.00	.00**
	Matematik	25	4.32	.37			4.46	.25		
	BI	47	4.37	.34			4.37	.26		

**Signifikan pada aras $p<0.01$

Hubungan di antara LiNuSR dan Pengurusan Bilik Darjah

Hubungan antara kedua variabel diuji menggunakan analisis *Correlation Pearson*. Hasil analisis *Correlation Pearson* adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4. Terdapat hubungan yang signifikan pada aras $p<.01$ di antara LiNuSR dengan pengurusan bilik darjah. Nilai korelasi $r(115)=.73$ membawa maksud terdapat hubungan linear positif yang kuat (strong positive) antara kedua variabel tersebut berdasarkan Ratner (2009).

Jadual 4

Analisis Korelasi Antara LiNuSR dan Pengurusan Bilik Darjah

		Sasaran Sifar Linus
Pengurusan Bilik Darjah	<i>Correlation Pearson</i>	.73**
	<i>Sig. (2-tailed)</i>	.00
	<i>N</i>	115

Signifikan pada aras $p < 0.01$ *Pengaruh Pengurusan Bilik Darjah terhadap LiNuSR***

Dalam kajian ini, ujian untuk mengenalpasti pengaruh pengurusan bilik darjah terhadap LiNuSR adalah menggunakan *Simple Linear Regression* dalam SPSS. Jadual 5 menunjukkan hasil analisis regresi berganda untuk menguji pengaruh pengurusan bilik darjah terhadap LiNuSR. Hasil analisis mendapati, nilai $R^2 = .532$ menunjukkan sejumlah 53.2% varians disumbangkan oleh pengurusan bilik darjah dalam LiNuSR. Ini dapat dibuktikan dengan hasil analisis yang menunjukkan terdapat pengaruh yang signifikan pengurusan bilik darjah terhadap LiNuSR pada aras $p < .01$.

Jadual 5

Analisis Regresi Pengurusan Bilik Darjah Terhadap LiNuSR

Model	R	R ²	R ² yang diubah	Anggaran Ralat	F	Sig
1	.729 ^a	.532	.528	.242	128.487	.000 ^b

**Signifikan pada aras $p < 0.01$

Jadual 6

Nilai Koefisien Pengurusan Bilik Darjah Terhadap LiNuSR

Model		Koefisien tidak dipiawaikan		Koefisien dipiawaikan		Sig.
		B	Ralat Piawai	Beta	t	
1	(Constant)	-.23	.40		-.628	.532
	Pengurusan Bilik Darjah	1.01	.09	.73	11.335	0.00

Nilai koefisien bagi pengurusan bilik darjah terhadap LiNuSR dapat dilihat pada jadual 6. Daripada jadual tersebut, nilai pemalar ialah $-.23$, nilai β_1 ialah 1.01 dan ralat ialah $.40$ serta signifikan pada $p < 0.01$ iaitu $.00$. Oleh itu persamaan regresi yang terbentuk ialah:

$$Y = a + b_1X_1 + b_2X_2 + b_3X_3 + c$$

$$Y = -.23 + 1.01 \text{ Pengurusan Bilik Darjah} + 0.13$$

PERBINCANGAN

Guru masa kini amnya telah dilengkapi dengan pelbagai kemahiran melalui pelbagai siri pembangunan kompetensi. Ini dapat dilihat melalui dapatan kajian yang menunjukkan pengurusan bilik darjah dan LiNuSR guru pada tahap yang tinggi. Selaras dengan dapatan kajian Rasidi et al. (2020) yang menunjukkan amalan profesional guru dalam bilik darjah pada tahap yang tinggi. Berdasarkan kajian Tan (2018), program pembangunan kompetensi yang dijalankan samada di sekolah mahupun di peringkat PPD telah mempengaruhi kepuasan guru terhadap perkembangan sendiri. Hal ini sekaligus


meningkatkan efikasi guru yang kemudiannya memberi impak terhadap peranan profesionalismenya di dalam bilik darjah.

Hasil kajian bagi objektif yang kedua pula mendapati tiada perbezaan berdasarkan jantina, lokasi, pengalaman mengajar. Dapatan ini bercanggah dengan kajian lepas bagi pengalaman mengajar dimana aspek pengurusan bilik darjah merupakan isu utama dalam kalangan guru baru (Davis, 2018; Wolff et al., 2015). Hal ini mungkin disebabkan guru tidak kira baru atau lama, lelaki atau perempuan mahupun mengajar di lokasi berbeza sedar akan akauntabilitinya serta komited untuk mencapai matlamat meningkatkan tahap penguasaan murid dalam LiNUSR melalui pengurusan bilik darjah yang efisien. Kajian ini juga menunjukkan bahawa hanya mata pelajaran bahasa inggeris yang menunjukkan perbezaan dalam pengurusan bilik darjah dimana pengurusan bilik darjah guru bahasa inggeris lebih tinggi berbanding guru yang mengajar mata pelajaran yang lain. Keadaan ini membuktikan bahawa guru mata pelajaran bahasa inggeris memerlukan masa optimum dalam pengajaran dengan mengurangkan gangguan semasa proses pembelajaran melalui pengurusan bilik darjah. Penggunaan masa secara berkesan dalam bilik darjah akan menyumbang kepada pencapaian matlamat pengajaran sekaligus mempengaruhi pencapaian pelajar (Özreçberoglu & Çağanağa, 2018). Ini kerana proses bimbingan dalam usaha untuk meningkatkan tahap penguasaan murid dapat dilaksanakan dalam keadaan disiplin kelas yang terkawal dan masa yang mencukupi.

Seterusnya, berdasarkan dapatan kajian, terdapat hubungan linear positif antara pengurusan bilik darjah dengan LiNuSR. Hal ini menunjukkan bahawa matlamat pengajaran guru boleh dicapai melalui pengurusan bilik darjah yang merangkumi persediaan guru, disiplin kelas serta bimbingan. Menurut Nagro et al. (2019) aspek pengurangan masa menangani disiplin bilik darjah dan peningkatan penglibatan murid adalah strategi pengurusan bilik darjah yang proaktif. Pengurusan bilik darjah merangkumkan pelbagai komponen yang bersesuaian untuk guru menyediakan persekitaran pembelajaran yang positif (Davis, 2018). Usaha-usaha ini menunjukkan komitmen dalam kalangan guru untuk meningkatkan prestasi murid.

Hasil kajian ini juga menunjukkan separuh dari kejayaan mencapai matlamat dalam LiNuSR disumbangkan melalui pengurusan bilik darjah. Hal ini kerana menguruskan bilik darjah adalah elemen penting dalam pengajaran berkesan (Long et al., 2018). Justeru, kejayaan pengurusan bilik darjah memerlukan usaha, fokus, petancangan, konsistensi serta pendekatan sistematik dimana ia tidak berlaku secara spontan (Valente et al., 2018) selain perhatian terhadap motivasi, kepercayaan, tanggung jawab dan peraturan tingkah laku murid (Özreçberoglu & Çağanağa, 2018).

Justeru, berdasarkan dapatan kajian kesleuruhannya, pengkaji mencadangkan model integrasi LiNUSR-Pengurusan Bilik Darjah yang terdiri dari elemen-elemen penting dalam kedua-dua variabel ini seperti yang ditunjukkan pada Rajah 3. Aspek tahap penguasaan, matlamat dan komitmen guru dalam LiNuSR saling berkaitan dan ditunjukkan melalui bulatan yang bertindih. Manakala elemen disiplin, persediaan dan bimbingan dalam pengurusan bilik darjah di hubungkan dengan bentuk empat segi mewakili ruangan bilik darjah. Dari model tersebut juga, dapat diperhatikan elemen LiNuSR berada di tengah-tengah dan dikelilingi oleh elemen pengurusan bilik darjah. Ini menunjukkan bahawa pengurusan bilik darjah dapat mengawal sebahagian kejayaan dalam LiNuSR. Model integrasi ini adalah pertama dicadangkan melibatkan LiNuSR dengan pengurusan bilik darjah.



Rajah 3. Model Integrasi LiNuSR-Pengurusan Bilik Darjah

KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan kajian, LiNuSR dan pengurusan bilik darjah adalah pada tahap tinggi. Tidak terdapat perbezaan dalam kalangan responden berdasarkan jantina, pengalaman mengajar dan lokasi sekolah. Tetapi terdapat perbezaan yang signifikan bagi pengurusan bilik darjah mengikut bidang dimana guru bahasa inggeris lebih tinggi berbanding bahasa Malaysia dan matematik. Terdapat hubungan linear positif diantara kedua variabel kajian. Manakala pengurusan bilik darjah menyumbang separuh dari varian dalam LiNuSR. Secara keseluruhannya, dapatlah disimpulkan bahawa pengurusan bilik darjah memainkan peranan utama dalam LiNuSR. Model integrasi LiNuSR-pengurusan bilik darjah yang dicadangkan diharap dapat menyumbang kedalam bidang kajian terutamanya aspek pengurusan guru.

RUJUKAN

- Abas, H. (2012). *Tahap, Amalan dan Masalah Pengurusan Bilik Darjah Guru-Guru Sekolah Menengah Daerah Segamat, Johor*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Ambotang, A. S., & Hashim, M. H. M. (2011). Hubungan Iklim Kerja dan Stres dalam Pengurusan Bilik Darjah dalam Kalangan Guru Prasekolah. *Journal of Techno-Social*, 69–81.
- Amin, A. M. M., & Othman, N. (2019). Pengurusan Bilik Darjah Guru Baharu yang Mengikuti Program Pembangunan Guru Baharu (PPGB) (*Classroom Management of New Teachers that Participate in the New Teacher Development Program*). *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 44(01), 21–27. <https://doi.org/10.17576/jpen-2019-44.01-03>
- Bartlett, J. E., Kotrlik, J. W., & Higgins, C. C. (2001). Organizational Research: Determining Appropriate Sample Size in Survey Research. *Information Technology, Learning, and Performance Journal*, 19(1), 43–50. <https://doi.org/10.1007/BF00471876>
- Bayraktar, H. V., & Dogan, M. C. (2017). Investigation of Primary School Teachers' Perception of Discipline Types They Use for Classroom Management. *Higher Education Studies*, 7(1), 30. <https://doi.org/10.5539/hes.v7n1p30>

- Burrage, D. M. (2015). *School Personnel Perceptions Regarding Professional Development Training and Implementation of a Behavioral Leveling Classroom Management System*. Northcentral University.
- Carroll, H. C. M. (2020). The Relative Effect of Pupil Absenteeism on Literacy and Numeracy in The Primary School. *Educational Studies*, 00(00), 1–17. <https://doi.org/10.1080/03055698.2020.1793302>
- Chua Yan Piaw. 2006. *Kaedah Dan Statistik Penyelidikan: Asas Statistik Penyelidikan*. McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd
- Davis, J. R. (2018). Classroom Management in Teacher Education Programs. In *Classroom Management in Teacher Education Programs*. <https://doi.org/10.1007/978-3-319-63850-8>
- Dicke, T., Elling, J., Schmeck, A., & Leutner, D. (2015). Reducing reality shock: The effects of classroom management skills training on beginning teachers. *Teaching and Teacher Education*, 48, 1–12. <https://doi.org/10.1016/j.tate.2015.01.013>
- Domenech, D. M. (2012). *The Impact of Classroom Management Strategies on Student Achievement* [Walden University]. <https://doi.org/10.1111/j.1467-8616.2008.00521>
- Field, A. (2018). *Discovering Statistics IBM SPSS Statistics* (5th ed.). Sage Publications Ltd.
- Grotlischen, A., Desjardins, R., & Liu, H. (2020). Literacy and Numeracy: Global and Comparative Perspectives. *International Review of Education*, 66(2–3), 127–137. <https://doi.org/10.1007/s11159-020-09854-x>
- Hamid, H. K. (2012). *Hubungan Kepimpinan & Hala Tuju, Pengurusan Kurikulum & Pembelajaran & Pengajar Dengan Kemenjadian Murid Di Sekolah Rendah Berprestasi Sangat Lemah Di Daerah Papar*. Universiti Malaysia Sabah.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2011). *Modul Pengajaran Asas Literasi Program Literasi dan Numerasi (LINUS)*. Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). *Modul LINUS Numerasi Asas 1*. Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 - 2025 (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah)*. 1, 1–300. <https://doi.org/10.1016/j.tate.2010.08.007>.
- Kwok, A. (2019). Classroom Management Actions of Beginning Urban Teachers. *Urban Education*, 54(3), 339–367. <https://doi.org/10.1177/0042085918795017>.
- Lee, M., & van Vlack, S. (2018). Teachers' Emotional Labour, Discrete Emotions, and Classroom Management Self-Efficacy. *Educational Psychology*, 38(5), 669–686. <https://doi.org/10.1080/01443410.2017.1399199>.
- Long, A. C. J., Renshaw, T. L., & Camarota, D. (2018). Classroom Management in an Urban, Alternative School: A Comparison of Mindfulness and Behavioral Approaches. *Contemporary School Psychology*, 22(3), 233–248. <https://doi.org/10.1007/s40688-018-0177-y>.
- Makowski, E. M. (2014). *From Challenging Behaviors to Caring Classroom Communities: Reimagining the Teacher's Role in Classroom Management*. University of Washington.
- Malik, S. (2009). Effect of Intervention Training on Mental Abilities of Slow Learners. *International Journal of Educational Sciences*, 1(1), 61–64. <https://doi.org/10.1080/09751122.2009.11889977>
- Mohammad, T. Z., & Mahmoud, A. M. (2014). Clustering of Slow Learners Behavior for Discovery of Optimal Patterns of Learning. *International Journal of Advanced Computer Science and Applications*, 5(11), 102–109. <https://doi.org/10.14569/ijacsa.2014.051118>.
- Mohd-Asraf, R., Abdullah, H., & Mat Zamin, A. A. (2016). Literacy Among Malaysian Primary Schoolers: How do Boys Perform Relative to Girls? *International Electronic Journal of Elementary Education*, 9(1), 225–238.
- Mohd Isa, A. (2016). *Pengaruh Pengurusan Fail, Saringan dan Bilik Darjah Terhadap Sasaran Sifar LINUS di Daerah Sandakan*. Universiti Malaysia Sabah.
- Nagro, S. A., Fraser, D. W., & Hooks, S. D. (2019). Lesson Planning With Engagement in Mind: Proactive Classroom Management Strategies for Curriculum Instruction. *Intervention in School*

- and Clinic*, 54(3), 131–140. <https://doi.org/10.1177/1053451218767905>.
- Othman, A. J., Norzan, N., Darusalam, G., & Siraj, S. (2011). Cabaran Guru Program Linus Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa. *Masalah Pendidikan*, 34, 37–51.
- Özreçberoglu, N., & Çağanağa, Ç. K. (2018). Making it Count: Strategies for Improving Problem-solving Skills in Mathematics for Students and Teachers' Classroom Management. *Eurasia Journal of Mathematics, Science and Technology Education*, 14(4), 1253–1261. <https://doi.org/10.29333/ejmste/82536>
- Raamani, T., & Arumugam, R. (2018). The Influence of Principals' Technology Leadership and Professional Development on Teachers' Technology Integration in Secondary Schools. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 15(1), 203–228.
- Rasidi, W. F. W. M., Mydin, A. A., & Ismail, A. (2020). Professional Learning Community: Strategi Bimbingan Instruksional dan Amalan Profesional Guru. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 7(3), 38–54. <https://jupidi.um.edu.my/article/view/25060>.
- Ratner, B. (2009). The Correlation Coefficient: Its Values Range Between 1/1, or do They. *Journal of Targeting, Measurement and Analysis for Marketing*, 17(2), 139–142. <https://doi.org/10.1057/jt.2009.5>
- Sangeeta, C. (2011). Slow Learners: Their Psychology and Educational Programmes. *International Journal of Multidisciplinary Research*, 1(8), 279–289.
- Tan, L. K. (2018). *Faktor Dalaman Sekolah Dan Komitmen Guru Terhadap Organisasi : Pengaruh Pengantara Kualiti Kehidupan Kerja Guru Di SBT dan SBBT*. University Sains Malaysia.
- The World Bank. (2020). Literacy rate, youth total (% of people ages 15-24) – Malaysia. <https://data.worldbank.org/indicator/SE.ADT.1524.LT.ZS?locations=MY>.
- Tubah, H., & Hamid, Z. (2011). Pengaruh Demografi Terhadap Kemahiran Membaca dan Memahami dalam Kalangan Murid-murid LINUS. *Jurnal Melayu*, 6(6), 29–47.
- Valente, S., Monteiro, A. P., & Lourenço, A. A. (2018). The Relationship Between Teachers' Emotional Intelligence and Classroom Discipline Management. *Psychology in the Schools*, 56(5), 741–750. <https://doi.org/10.1002/pits.22218>.
- Wan Ahmad, W. N. (2019). Amalan Guru Dalam Melaksanakan Kemahiran Literasi Bahasa Melayu Bagi Program LINUS Di Sekolah Rendah. *Malay Language Education Journal-MyLEJ*, 9(1), 2180–4842.
- Wolff, C. E., Van Den Bogert, N., Jarodzka, H., & Boshuizen, H. P. A. (2015). Keeping an Eye on Learning: Differences Between Expert and Novice Teachers' Representations of Classroom Management Events. *Journal of Teacher Education*, 66(1), 68–85. <https://doi.org/10.1177/0022487114549810>.
- Wong, E. P. L. (2014). Amalan Linus Sekolah Kebangsaan di Zon Parit Bunga, Daerah Muar. *Universiti Teknologi Malaysia*, 1–35.